

05 MAY 1998

Mahathir-akhbar

LAPORAN NEGATIF AKHBAR BRITAIN TAK PERLU DIJAWAB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan merasakan tidak wajar untuk menangkis laporan negatif mengenai negara ini oleh akhbar Britain.

Perdana Menteri berkata media Britain dikuasai oleh pihak tertentu dan sebarang tindakan Malaysia akan dilaporkan secara negatif dan ini akan memburukkan lagi keadaan.

Beliau diminta mengulas kenapa kerajaan tidak mengambil tindakan ketara bagi menjawab laporan akhbar Britain khususnya berhubung isu kononnya ramai pendatang tanpa izin Indonesia diracun dan dibunuh selain usaha untuk menggugat keupayaan Malaysia menganjur Sukan Komanwel September ini.

Laporan kononnya berlaku perbuatan meracun dan membunuh ramai pendatang tanpa izin Indonesia telah disiarkan oleh akhbar The Observer dan The Independent.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia tahu bahawa mereka ini (media asing) mempunyai niat jahat terhadap negara ini dan akan melakukan apa sahaja untuk menggagalkan usaha Malaysia.

"Inilah sebahagian daripada kebebasan akhbar...kebebasan untuk mempengaruhi negara lain secara negatif, kebebasan untuk membuat fitnah, ini adalah sebahagian daripada kebebasan yang ditakrif oleh mereka," katanya.

Sebaliknya, bagi Malaysia, kebebasan akhbar bermakna tanggungjawab dan seseorang itu tidak boleh mempunyai kebebasan tanpa tanggungjawab, katanya.

Akhbar Malaysia, kata Dr Mahathir, tidak seharusnya mengikut jejak langkah media Barat yang mengaut keuntungan daripada kesengsaraan orang lain.

-- BERNAMA

ARA MAI